

## BEBERAPA EPISOD/MOTIF YANG TERSENDIRI PADA HIKAYAT SERI RAMA.

Rajantheran Muniandy

### Latarbelakang

Cerita Rama mempunyai pengaruh yang luas serta popular di Asia Tenggara.<sup>1</sup> Cerita ini juga merupakan salah satu warisan zaman Asia Tenggara di bawah pengaruh peradaban dari India, yang masih hidup dalam kebudayaan Melayu.<sup>2</sup> Nampaknya cerita Rama ini terdapat dalam berbagai versi, khususnya di Asia Tenggara.<sup>3</sup> Di alam Melayu, cerita ini dikenali sebagai **Hikayat Seri Rama (HSR)**. Dalam kertas kerja ini pengkaji akan menonjolkan beberapa episod/motif penting yang tersendiri pada **HSR**.

### Sumber-Sumber Utama

Kajian ini merupakan suatu kajian perbandingan yang melibatkan tiga versi cerita Rama iaitu **HSR**<sup>4</sup> dalam bahasa Melayu, **Ramayanan** ciptaan Valmiki (**RV**)<sup>5</sup> dalam bahasa Sanskrit dan **Ramayanan** ciptaan Kamban (**RK**)<sup>6</sup> dalam bahasa Tamil disertai dengan Tamil **Uttara Kandam**<sup>7</sup> ciptaan ottakkuttar.

Sebelum masuk ke dalam kajian, adalah amat tepat dan berguna jika kita mengenali tarikh terciptanya karya-karya yang akan dikaji ini. Pertamanya, **HSR** yang tiada diketahui nama pengarangnya **dianggarkan lahir antara abad ke 13 hingga 17 masihi**.<sup>8</sup> **HSR** telah ditemui dalam beberapa naskah yang mempunyai cerita dasar ataupun sebahagian daripada cerita dasarnya yang sama. Dalam pada itu, P.P. Rooda Van Eysinga menerbitkan suatu naskah **HSR** pada tahun 1843 (**HSR.Rve**)<sup>9</sup>. W.G. Shellabear telah menerbitkan sebuah lagi naskah **HSR** iaitu "naskah Laud pada tahun 1915 (**HSR.She**)<sup>10</sup> dan pada tahun 1980, Achadiati Ikram telah menerbitkan semula naskah Laud setelah dibandingkan dengan beberapa versi **HSR** yang lain.<sup>11</sup> Dalam kajian ini, **HSR** yang disunting oleh Achadiati Ikram (**HSR.Ikr**) digunakan sebagai sumber utama bersama **HSR. Rve** dan **HSR.She**.

Kedua, **Ramayanan** ciptaan Valmiki yang terdapat dalam tujuh kanda (buku), **dianggarkan antara abad ke 4sm hingga abad ke 2 masihi**.<sup>12</sup> Kajian ini dijalankan berdasarkan kepada teks **RV** yang diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris oleh Hari Prasad Shastri (**RV (HPS)**)<sup>13</sup>. Ketiga, **Ramayana** ciptaan Kambang yang terdapat dalam enam Kandang (buku), teks disertai dengan ulasan dari Universiti Annamalai<sup>14</sup> digunakan bersama Tamil **Uttara Kandam** ciptaan Ottakkuttar.<sup>15</sup> **Ramayanan** ciptaan Kamban (**RK**) **dianggarkan bertarikh**

\*Kertas kerja ini telah dibentangkan bagi seminar ijazah tinggi, anjuran Fakulti Sastera dan Sains Sosial pada 9.12.1990, di bilik mesyuarat Dekan

abad ke 9 hingga 12 masihi, manakala Tamil **Uttara Kadam (UKO)** bertarikh abad ke 12 masihi.<sup>16</sup>

### **Kaedah Penyelidikan**

Kajian ini dijalankan berdasarkan kepada suatu kaedah perbandingan yang popular. Kaedah ini dibina berdasarkan kepada sudut pandangan pembaca. Sebagai langkah pertama butir maklumat yang ringkas dan padat akan diberikan untuk setiap bahagian perbandingan mengikut versi-versi yang berkaitan. Selepas itu bahagian-bahagian tersebut diperbandingkan dengan teliti. Dari sini pengarang akan mengenalpasti unsur-unsur persamaan, perbezaan dan ciri-ciri tersendiri yang terdapat pada versi-versi yang bersangkutan. Pengubahsuaian dalam pengolahan cerita, pola perubahan bentuk, nama watak-watak serta nama tempat-tempat juga diberi perhatian. Memandangkan ruang yang terhad pengkaji akan hanya menyampaikan hasil perbandingan sahaja.

### **Hasil Kajian**

Sebagai suatu hasil dari perbandingan ketiga-tiga versi yang tersebut di atas, ditemui beberapa episod/motif yang tersendiri pada **HSR**. Episod/motif tersebut merupakan bukti-bukti jelas yang menunjukkan **HSR** sebagai suatu karya yang berasingan dan bukannya sebagai hasil terjemahan cerita Rama dari India. Dalam usaha ini pengkaji berjaya mengenalpasti lebih kurang 66 episod/motif tersendiri pada **HSR** apabila dibandingkan dengan **RV** dan **RK**<sup>17</sup>. Walau bagaimanapun pengkaji akan hanya menonjolkan beberapa episod/motif yang dianggap penting.

### **Episod/motif tersendiri pada HSR**

1. Hampir semua versi **HSR** bermula dengan kisah awal Ravana (Rawana), kecuali **HSR.Rve** yang bermula dengan kisah kelahiran Rama.<sup>18</sup> Perlu diberi perhatian dalam **RV** dan **UKO** kisah awal Ravana diceritakan oleh Maharesi Agasya kepada Rama pada **Uttara Kanda** iaitu setelah Rama mengatasi Ravana dan kembali ke Ayodhya. Ini merupakan ciri-ciri tersendiri **HSR** yang umum dari segi struktur perjalanan cerita.
2. Menurut salah sebuah naskah **HSR** (manuscript: Cambridge University Library Add. 3756),<sup>19</sup> Ravana dalam kelahirannya yang lalu telah hidup dikeinderaan dengan nama Sirancak. Dia ditekan ke dalam **patala** iaitu ke dunia di bawah bumi oleh dewa Visnu dengan ibujari kakinya. Sirancak membuat suatu alat muzik kecapi dengan menggunakan salah satu daripada kepalanya, tangan dan tiga batang jarinya. Dia memainkan alat muzik tersebut sebagai memuji dan menghormati Dewata Mulia Raya. Oleh itu, Dewata Mulia Raya membenarkan Sirancak untuk lahir sebagai Ravana. Ravana ialah anak sulung kepada Citrabaha dan Raksyagandi di Inderapuri negara. Ini merupakan salah sebuah episod yang hanya terdapat dalam **HSR**. Namun demikian, episod ini dapat dikaitkan dengan sebuah episod dalam Tamil **Uttara Kadam** di mana Ravana cuba

membantu gunung Kailasa. Dewa Siva menekan gunung tersebut dengan ibu jari kakinya mengakibatkan Ravana tersekat di bawah gunung itu. Atas nasihat para dewa, Ravana membuat alat muzik dengan menggunakan salah satu daripada kepalanya dan tanganya serta menyanyikan **sama-veda** dengan iringan muzik kecapi yang dibuatnya. Setelah seribu tahun, dewa Siva membebaskan Ravana serta menghadihkan sebilah pedang bernama **Chandrahasa**.<sup>20</sup>

3. Dalam **HSR**<sup>21</sup>, Ravana dibuang negeri ke Bukit Serendip kerana dia telah membunuh rakan-rakan mainnya. Dia mulai bertapa di Bukit Serendip tanpa makanan. Dia mendirikan dua batang kayu, di atas dua batang kayu tersebut digantungkan sebatang kayu secara melintang. Sebatang kayu lagi ditembus dan disampaikan pada kayu yang melintang. Pada siang hari Ravana mengumpulkan kayu api di antara dua batang kayu yang telah didirikannya. Pada malam hari dia menghidupkan api pada kayu yang dikumpulkan. Ia naik ke atas kayu yang didirikan dan mengikat kakinya pada kayu yang melintang tadi. Kepalanya di arahkan kepada api yang sedang bernyala. Ravana bertapa begini rupa selama duabelas tahun. Cara pertapaan seperti ini tidak terdapat dalam **RV** dan **RK**.
4. Menurut **HSR**<sup>22</sup>, Allah menerusi Nabi Adam a.s. telah memberikan kurnia untuk Ravana menjadi pemerintah bagi empat buah kerajaan iaitu kerajaan di keinderaan, di dalam laut, di bawah bumi dan di bumi. Bahagian ini jelas menampakkan penyelitan unsur-unsur agama Islam ke dalam **HSR**. Motif sebegini tidak terdapat pada **RV** dan **RK**.
5. Dalam **HSR**<sup>23</sup>, Ravana mempunyai tiga orang isteri dan tiga orang anak. Dia mengambil Nila utama iaitu puteri diraja di keinderaan sebagai isterinya dan mendapat seorang anak lelaki bernama Indrajit. Gangga Maha Dewi iaitu puteri diraja di dalam laut merupakan isteri keduanya, mereka memperolehi seorang anak lelaki bernama Gangga Mahasura dan Pertiwi Dewi iaitu puteri diraja di bawah bumi menjadi isteri ketiga Ravana dan melahirkan Patala Maharayan sebagai anak mereka. Tetapi dalam **RV** dan **RK**, Ravana hanya mempunyai seorang isteri iaitu Mandodari dan seorang anak lelaki bernama Indrajit.
6. Menurut **HSR**,<sup>24</sup> Ravana ingin mendapatkan permaisuri Dasarata Maharaja yang bernama Mandudari, tetapi Mandudari tidak mahu mengikutinya. Mandudari mencipta seorang gadis yang menyerupai dirinya. Gadis tersebut diberikan nama Mandudari tiruan ataupun Mandudaki. Ravana kembali ke Lanka (Lankapuri) bersama Mandudari tiruan (isteri keempat) yang dianggapnya sebagai tulen. Untuk melihat perkaitan Mandudari tiruan dengan Ravana dan Dasarata Maharaja, sila lihat gambarajah No. 3 pada lampiran. Dasarata Maharaja tertarik hati dengan Mandudari tiruan dan ingin bersetubuh denganya. Baginda meniru rupa seorang bayi dan dapat masuk ke dalam istana Ravana. Baginda kembali kepada rupa asalnya lalu bersetubuh dengan Mandudari tiruan.

Sebelum pulang, baginda meminta Mandudari tiruan supaya merahsiakan hal tersebut dan anak yang dilahirkannya hendaklah dikatakan sebagai anak kepada Ravana. Mandudari tiruan melahirkan seorang anak perempuan. Ravana menolak anak tersebut kerana tukang tilik meramalkan bahawa anak itu akan membawa malapetaka kepadanya. Anak perempuan ini dimasukkan ke dalam sebuah **lung besi** (sejenis peti besi) dan dibuang ke dalam laut. Pemerintah Durwatipurwa (Darwatipurwa) iaitu Maharesi Kala (Kali) menemui **lung besi** tersebut. Anak di dalamnya diambil lalu diberi nama Sita (Sita Dewi) dan dijadikan anak angkatnya. Oleh kerana Sita dilahirkan oleh isteri Ravana (Mandudari) maka ianya dianggap sebagai anak keempat bagi Ravana. Sila lihat gambarajah 1 & 2 pada lampiran. Episod seumpama ini tidak terdapat dalam **RV** dan **RK**.

7. **HSR.Rve**,<sup>25</sup> menyatakan bahawa Dasarata Maharaja juga mempunyai seorang anak perempuan bernama Kikewi Dewi. Tetapi butir maklumat ini tidak terdapat dalam **RV** dan **RK**.
  8. Menurut **HSR**,<sup>26</sup> Dasarata Maharaja (raja Dasatha) berjanji bahawa anak Baliadari (gundik baginda) akan dilantik sebagai penggantinya, kerana Baliadari menyelamatkan baginda dalam perarakan di mana tandu yang dinaiki oleh kedua-dua penggantin patah dan Baliadari berjaya mengampu tandu tersebut supaya Dasarata Maharaja dan Mandudari tidak jatuh ke bumi. Semasa baginda mendapat penyakit baruh, Baliadari telah mengeluarkan nanah dari baruh itu dengan mulutnya dan sekali lagi menyelamatkan baginda. Oleh kerana Dasarata Maharaja sudah berjanji kepada Baliadari, Rama tidak dilantik sebagai pemerintah negara Isfahaboga. Sebaliknya Baradan iaitu anak Baliadari dilantik sebagai raja. Peristiwa seumpama ini juga tidak terdapat dalam **RV** dan **RK**.
  9. **HSR**<sup>27</sup> menyatakan bahawa Rama meninggalkan negara Isfahaboga secara sukarela bersama isterinya Sita dan adiknya Laksmana (Laksamana). Tetapi **RV** dan **RK** menyatakan bahawa Rama meninggalkan Ayodhya atas perintah bapanya.
  10. Menurut **HSR** pada suatu hari Laksmana berkeliaran di dalam hutan bernama Indrapawanam, dia melihat sebilah pedang sedang turun dari syurga ke arah serumpun buluh. Pedang itu adalah kurnia Betara Indra kepada Darsasinga iaitu anak lelaki kepada Shurpanakha (Surapandaki). Laksmana menangkap pedang tersebut (untuk diserahkan kepada Rama), lalu menguji ketajamannya dengan menebang rumpun buluh di sana. Darsasinga yang sedang bertapa di dalam rumpun buluh tersebut terbunuh kerana terkena tetakkan pedang Laksmana. Laksmana yang terkejut membawa pedang itu kepada Rama.<sup>28</sup>
- Shurpanakha yang membawa makanan, mendapati anaknya Darsasinga terbunuh. Dia memberitahu Darkalasina iaitu sepupunya bahawa Laksmana membunuh anaknya kerana dia menolak cinta Laksmana padanya. Semandarisinga iaitu penasihat kepada

Darkalahsina, menasihatkan supaya Shurpanakha meniru rupa seorang gadis yang cantik dan menawan hati Rama, supaya Laksmana dapat dibalas dendam dengan mudahnya.<sup>29</sup>

Episod ini merupakan episod yang penting, kerana dalam HSR episod inilah yang membawa kepada penculikan Sita oleh Ravana. Peristiwa seumpama ini tidak terdapat dalam **RV** dan **RK**. Tetapi ada motif Shurpanakha cuba mendapatkan Rama sebagai suaminya.<sup>30</sup>

11. Dalam **HSR**, kita dapati Laksmana membuat suatu kesalahan yang besar iaitu membunuh Darsasinga (walaupun secara tidak sengaja), ini membuatkan Shurpanakha (Surapandaki) menjadi marah dan ingin membalas dendam terhadap orang yang membunuh anaknya. Dengan tujuan inilah dia cuba menawan hati Rama. Perlu diberi perhatian, pengarang **HSR** menggambarkan Shurpanakha sebagai seorang wanita yang ingin membalas dendam atas kematian anaknya.<sup>31</sup> Tetapi dalam **RV** dan **RK**, Shurpanakha cuba menawan hati Rama untuk memenuhi nafsunya. Di sini Shurpanakha digambarkan sebagai seorang wanita yang nafsunya kuat.<sup>32</sup>

Keduanya, dalam **HSR**<sup>33</sup> Ravana membuat keputusan untuk menculik Sita kerana Laksmana mencederakan adiknya Shurpanakha dan membunuh saudaranya Darkalahsina. Tetapi dalam **RV** dan **RK** Ravana membuat keputusan untuk menculik Sita untuk menjadikan dia sebagai permaisuri utamanya. Lebih-lebih lagi dalam **RK** dinyatakan Ravana jatuh cinta secara membabi buta pada Sita memandangkan kecantikan Sita yang digambarkan oleh Shurpanakha.<sup>34</sup> Di bahagian ini kita dapat melihat ciri-ciri tersendiri **HSR** dalam mencapai suatu peristiwa penting iaitu penculikan Sita oleh Ravana. Walaupun **HSR** dan **RV**, **RK** mempunyai motif penculikan Sita namun cara motif itu dicapai dalam **HSR** adalah berbeza dengan **RV** dan **RK**.

12. Menurut **HSR**<sup>35</sup>, atas permintaan Ravana Martanja dan Tiki masing-masing meniru rupa seekor kijang emas dan perak. Mereka berkeliaran di kawasan pondok Sita untuk menarik perhatiannya. Dalam **RV** dan **RK**<sup>36</sup>, dikatakan hanya seorang bernama Marican meniru rupa seekor kijang untuk tujuan yang sama.
13. Suatu lagi motif yang hanya terdapat dalam **HSR**<sup>37</sup> ialah Laksmana menggoriskan suatu bulatan magis mengelilingi pondok mereka sebagai pelindung kepada Sita, sebelum dia pergi membantu abangnya dengan meninggalkan Sita berseorangan.<sup>38</sup>
14. Menurut **HSR**, Hanuman membuat keputusan untuk mencari bapanya, tetapi datuknys Sang Perdana menasihatkannya supaya pergi bertemu dengan Vali (Balya Raja). Dalam perjalanan, Hanuman berasa lapar. Dia memanjat pokok asam Jawa dan memakan buahnya. Hanuman melihat Laksmana di bawah pokok itu duduk tanpa bergerak me-

mangku kepala abangnya Rama yang sedang tidur pada pangkuannya. Dengan tujuan mengganggu mereka, Hanuman membuang daun serta buah asam Jawa ke atas mereka. Hanuman tidak dapat mengganggu kedua-dua adik-beradik itu. Tetapi dia berjaya melarikan tiga batang anak panah Rama dan menyembunyikan diri di sebalik daun-daun pokok-pokok asam Jawa. Laksmana mengejutkan Rama dan memberitahunya apa yang telah beraku. Oleh kerana Laksmana tidak dapat menunjukkan Hanuman yang duduk di atas pokok yang tinggi, dia berdoa kepada Dewata Raya yang kemudiannya membuatkan pokok tersebut mengecut menjadi renek.

Apabila Hanuman dapat dilihat, Rama mengenali dia sebagai anaknya dengan melihat subang pada telinganya dan memberitahu Laksmana. Seterusnya Hanuman turun dari pokok serta mengenalkan diri dan menyatakan persediaannya untuk mengikut Rama. Rama menyeru dia supaya pergi kepada Vali, tetapi apabila Rama mengenang Hanuman, dia akan menjelma di hadapannya. Motif serta episod seumpama ini hanya terdapat pada **HSR**<sup>40</sup>

15. Dalam **HSR**<sup>41</sup>, suatu ketika Rama berasa dahaga, dia melepaskan anak panahnya dengan arahan mencari air. Laksmana membawa air dan rasa air itu seperti rasa airmata. Rama percaya bahawa air itu semestinya dibawa dari anak sungai yang terhasil daripada airmata seseorang. Rama dan Laksmana mengikuti jalan anak sungai tersebut dan sampai ke suatu gunung. Di sana mereka melihat Surgriva (Sugriwa) sedang mencurahkan airmatanya. Peristiwa seumpama ini juga tidak terdapat dalam **RV** dan **RK**.
16. Menurut **HSR**<sup>42</sup>, setelah Rama membunuh Vali (abang Sugriwa), Sugriwa mengumpulkan tentera **Vanara** (manusia berupa monyet), Rama mendapati tiada siapa mampu melompat ke Lanka (Langkapuri), Hanuman bersetuju untuk melompat ke Lanka dengan syarat Rama mahu makan sedaun denganya, Rama memenuhi kehendaknya. Peristiwa seumpama ini hanya terdapat dalam **HSR**.
17. Dalam **HSR**<sup>43</sup>, Hanuman melompat ke Lanka dari tangan bapanya Rama kerana tempat lain tidak dapat menahan berat badannya. Motif seumpama ini tidak terdapat dalam **RV** dan **RK**.
18. Menurut **HSR**<sup>44</sup>, sementara Hanuman melompat ke Lanka, air maninya menitis ke dalam laut lalu ditelan oleh seekor ikan yang kemudiannya melahirkan seorang anak bernama Hanuman Tungangga. Motif seperti ini juga tidak terdapat dalam **RV** dan **RK**.
19. **HSR**<sup>45</sup> menyatkan bahawa setelah Hanuman sampai ke Lanka, dia menyarungkan cincin Rama ke dalam sebuah buyung. Air dalam buyung itu dibawa untuk dijadikan air mandian Sita. Semasa mandi Sita mengenali cincin Rama dan memanggil serta menemui Hanuman. Motif ini juga tidak ada dalam **RV** dan **RK**.

20. Menurut **HSR**<sup>46</sup>, Hanuman dihadapkan kepada Ravana kerana dia memusnahkan dusun mempelam di Lanka. Hanuman memanjangkan ekornya lalu melingkarnya menjadi kerusi dan duduk di atasnya. Ini membolehkan Hanuman duduk di tempat yang lebih tinggi berbanding dengan singhasana Ravana. Motif ini hanya terdapat dalam **HSR**.
21. Dalam **HSR**<sup>47</sup>, atas arahan Gangga Mahasura (salah seorang anak kepada Ravana) ikan-ikan cuba memusnahkan jambatan yang sedang dibina oleh para tentera **Vanara**. Tetapi Hanuman telah mengocak laut dengan ekornya lalu menghancurkan kesemua ikan tersebut. Juga atas arahan Gangga Mahasura, seekor ketam yang besar cuba memusnahkan jambatan. Tetapi Hanuman memancing ketam itu dengan ekornya lalu mengempakkannya ke darat. Dikatakan sebuah hutan belantara menjadi daratan akibat ketam tersebut dihempaskan oleh Hanuman. Motif seumpama ini hanya terdapat pada **HSR**.
22. Dalam **HSR**<sup>48</sup>, terdapat suatu episod yang panjang lebar berkaitan dengan Patala Maharajan (anak kepada Ravana) menculik Rama. Patala Maharayan menculik Rama yang sedang tidur dan membawanya ke kerajaan keesokan harinya Rama membunuh Patala Maharajan. Episod yang panjang ini juga tidak terdapat dalam **RV** dan **RK**<sup>49</sup>.
23. Sewaktu peperangan, Indrajit melepaskan sebatang anak panah menuju ke arah tentera Rama dengan maksud membunuh sesiapa sahaja yang memegang sebarang senjata mereka, anak panah tersebut bertukar menjadi kalung bunga pada leher Rama. Motif seumpama ini hanya terdapat dalam **HSR**.<sup>50</sup>
24. Dalam satu lagi kejadian peperangan (dalam **HSR**), Laksmana jatuh penganan terkena anak panah Ravana. Daun-daun herba yang dibawa oleh Hanuman, hanya boleh digiling dengan menggunakan seketul batu pengiling yang ada di dalam bilik tidur Ravana. Hanuman mencuri batu pengiling tersebut. Sebelum keluar dari bilik tidur Ravana, Hanuman menyimpul rambut Ravana dan isterinya serta meninggalkan surat bahawa simpulan itu hanya dapat diuraikan sekiranya Ravana membenarkan isterinya mengetuk kepalanya.<sup>51</sup> Motif mencuri batu pengiling serta menyimpul rambut Ravana dengan isterinya tidak terdapat dalam **RV** dan **RK**.<sup>52</sup>
25. Menurut **HSR**<sup>53</sup>, sementara peperangan berlaku Rama menghantar Hanuman kepada Sita untuk mengetahui cara bagi membunuh Ravana. Menurut Sita, Ravana tidak dapat dibunuh tetapi dia akan kehilangan seluruh tenaganya jika kepala kecil dibawa telinga kananya dipancang. Apabila Rama memancang kepala tersebut Ravana rebah di bumi. Motif ini juga tidak terdapat dalam **RV** dan **RK**.
26. Dalam **HSR**<sup>54</sup>, Ravana tidak dibunuh tetapi dalam **RV** dan **RK**<sup>55</sup> Ravana dibunuh oleh Rama.

27. Menurut **HSR**<sup>56</sup>, Sita menjadi hamil setelah makan dua biji geliga bersama suaminya. Semasa enam bulan kandungan tersebut, atas pujukan Kikewi Dewi (adik perempuan kepada Rama) Sita melukis gambar Ravana di atas sebuah kipas. Apabila tertidur, Kikewi Dewi menempatkan kipas tersebut di atas dada Sita. Rama yang melihat Sita bersama lukisan gambar Ravana, menuduh yang Sita tidak setia padanya. Juga Rama memberi arahan supaya Sita meninggalkan istana. Sita pergi ke Durwatipura iaitu negara bapa angkatnya Maharesi Kala. Episod seperti ini hanya terdapat dalam **HSR**. Tetapi motif pembuangan Sita memang terdapat dalam **RV**.
28. Dalam **HSR**<sup>57</sup>, Sita melahirkan seorang anak lelaki, Tabalawi namanya. Maharesi Kala mencipta seorang lagi anak daripada pucuk lalang yang dinamakan sebagai Gusi. Motif ini juga tidak terdapat dalam **RV** dan **RK**.<sup>58</sup>
29. Peristiwa dalam **HSR**<sup>59</sup>, iaitu peristiwa Rama disatukan dengan Sita setelah suatu perayaan selama 14 hari, peristiwa Laksmana membawa tentera untuk menjemput Sita dan anak-anaknya, peristiwa Kikewi Dewi dimaafkan oleh Sita, perkahwinan Tabalawi dengan anak perempuan Vibhishana, perkahwinan Gusi dengan anak perempuan Gangga Mahasura, peristiwa Tabalawi menjadi raja Duryapuri Negara, peristiwa Hanuman memperkosakan Sunderi Dewi iaitu isteri Tabalawi, peristiwa Baradan menjadi pemerintah Mandupuri negara dan peristiwa Citradan (Shatruga) menjadi pemerintah Isfahaboga tidak terdapat dalam **RV** dan **RK** serta **UKO**.
30. Dalam **HSR**<sup>60</sup>, setelah menjalankan kehidupan bertapa selama 40 tahun bersama Sita, Rama kembali ke alam baka. Tetapi tidak ada maklumat yang menyatakan bahawa Sita dan lain-lain kembali ke alam baka. Sebaliknya dalam **RV** dan **UKO**<sup>61</sup>, bukan sahaja Rama tetapi juga adik-beradik Rama, para perwira Vanara dan rakyat Ayodhya masuk ke dalam air sungai Sarayu dan kembali ke alam syurga.

## Kesimpulan

Walaupun cerita dasar **HSR** adalah sama dengan **RV** dan **RK/UKO**, ianya juga mempunyai tidak kurang daripada 66 motif/episod yang menampakkan ciri-ciri tersendiri. Daripada 66 motif/episod, pengarang hanya menonjolkan 30 motif/episod yang tersendiri pada **HSR**, kerana ini adalah mencukupi untuk membuktikan bahawa **HSR** bukanlah suatu penterjemahan cerita-cerita Rama dari India tetapi ianya perlu dianggap sebagai suatu karya sastera yang berasingan. Oleh itu pandangan R.O. Winstedt<sup>62</sup> yang menganggap kesusasteraan Melayu sebagai suatu kesusteraan terjemah adalah amat sukar untuk diterima. Tetapi pengarang tidak menafikan bahawa terdapatnya berbagai motif/episod daripada cerita Rama India yang telah diberikan pewarnaan tempatan oleh pengarang **HSR**. Unsur-Unsur agama Islam dapat dimasukkan supaya masyarakat Melayu yang sudahpun beragama Islam dapat menerima cerita Rama ataupun mungkin juga sebagai satu usaha pengarang **HSR** yang cuba menghasilkan sebuah karya sastera tempatan yang berunsurkan agama Islam.



## Nota Kaki dan Senarai Rujukan

1. FRANCISCO, J.R. "The Rama story in the post-muslim Malay literature of Southeast Asia" *Sarawak Museum Journal*, New series, Vol.10, No. 19-20 (Kuching, 1962), hlm. 468.
2. MUHAMMAD TAIB BIN OSMAN. *Ramayana dalam kebudayaan Melayu*, Malaysia, Hari Kebangsaan 31 Ogos 1971. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan untuk Kementerian Luar Negeri, Malaysia, 1971 hlm.1.
3. RAGHAVAN, V. *The Ramayana in greater India*. Surat: South Gujarat University, 1975.
4. *Hikayat Sri Rama*. Suntingan naskah disertai telaah amanat dan struktur oleh Achadiati Ikram. Jakarta: Penerbit Universitas Indonesia, 1980. Digunakan sebagai bahan rujukan terutama bersama *Hikayat Sri Rama*, edited by Roorda Van Eysinga. Diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris oleh Balai Poestaka, Jakarta, 1963 dan juga *Hikayat Sri Rama*, edited by W.G. Shellabear. Romanized version prepared by Wahid bin Long. Singapore: Malaya Publishing House, 1964.
5. VALMIKI. *The Ramayana of Valmiki*. Diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris oleh Hari Prasad Shastri. Terbitan: Shanti Sadan, London, 3 jilid  
Jilid I: *Bala Kanda dan Ayodhya kanda*. Cetakan kedua (1962)  
Jilid II: *Aranya Kanda, Kiskindha Kanda dan Cundra Kanda*. Cetakan Kedua (168).  
Jilid III: *Yutta Kanda dan Uttara Kanda*. Cetakan pertama (1959)
6. KAMBAN, Kavicakkaravartti *Kamban Iyarria Iramayanam*  
Teks disertai dengan ulasan oleh R.P. Cetupillai dan lain-lain.  
Terbitan: Universiti Annamalai, Annamalainagar, Jilid 1.2  
Jilid I. *Pala Kandam*. bahagian I (1957) dan II (1958)  
Jilid II. *Ayottiya Kandam*. Bahagian I, II (1959) dan juga.  
  
*KAMBAN. Kavicakkaravartti Kamban Iyarriya Iramayanam*.  
Teks disertai dengan ulasan oleh K. Subramania Pillai dan lain-lain.  
Terbitan : Universiti Annamalai, Annamalainagar, Jilid 3.6  
Jilid III. *Araniya Kandam*. Bahagian I (1963) dan II (1964)  
Jilid IV. *Kitkinta Kandam*. Bahagian I (1964) dan II (1965)  
Jilid V. *Cuntara Kandam*. Bahagian I (1968), II (1969), III (1969)  
dan IV (1970)
7. OTTAKKUTTAR. *Iramayanam, Ottakuttar Iyarriya Uttara Kandam*  
Teks disertai dengan ulasan oleh S. Venkataramaccettiyar.  
Terbitan: Universiti Annamalai, Annamalainagar, 1977.
8. ZIESENISS, A. *The Rama Saga in Malaysia, its origin and development*.  
Translated into English by P.W. Burch. With a foreward by C.Hooykass. Singapore: MSRI, 1963, ms. 185-188; WINSTEDT, R.O. *A History of Classical Malay Literature*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1969, m.s. 38 dan juga SINGARAVELU, S. "The Rama Story in Malay tradition" *JMBRAS*. Vol. 54, Pt. 2, 1981, ms. 136.
9. *Hikayat Sri Rama*, edited by Roorda Van Eysinga. Diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris oleh Balai Poestaka, Jakarta, 1963.
10. *Hikayat Sri Rama*, edited by W.G. Shellabear. Romanized version prepared by Wahid bin Long, Singapore: Malaya Publishing House, 1964.
11. *Hikayat Sri Rama*. Suntingan naskah disertai telaah amanat dan struktur oleh Achadiati Ikram. Jakarta: Penerbit Universitas Indonesia, 1980.

- 12 WINTENITZ, M. *A History of Indian Literature*. New Delhi: Pearl Offset Press, 1977 (reprinted), ms. 501-517 dan juga MACDONELL, A.A. *A History of Sanskrit Literature*, Delhi: Motilal Banarsidass, 1971, ms. 254-260.
13. Sila lihat nota kaki nombor 5
14. Sila lihat nota kaki nombor 6
15. Sila lihat nota kaki nombor 7.
16. Untuk tarikh ciptaan RK dan UKO, sila lihat, JESUDASAN, C. dan JESUDASAN, H. *A History of Tamil Literature*. Calcutta: Y.M.C.A. Publishing House, 1961, ms. 128-131, 183-184 dan 188-192 dan juga VAIYAPURI PILLAI, S. *Tamil Ilakkiya Caritattil Kaviya Kalam*. Madras: Tamil Puttakalayam, 1957, ms. 23, 219 dan 226.
17. RAJANTHERAN, M. *Hikayat Seri Rama: Satu kajian perbandingan versi Malayu, Sanskrit dan Tamil*. (Disertai untuk M.A. Jabatan Pengajian Indian, Universiti Malaya, 1990), ms. 247-249. Belum diterbitkan.
18. *Hikayat Seri Rama*, edited by Roorda Van Eysinga. Di terjemahkan kedalam bahasa Inggeris oleh Balai Poestaka at Batavia, Jakarta 1963.
19. Manuskrip ini telah dihadiahkan oleh R.J. Wilkinson kepada Perpustakaan Universiti Cambridge pada tahun 1900. Ianya mengandungi 604 halaman. E.C.G. Barrett merujuk manuskrip ini sebagai 'manuskrip'. Sila lihat, Barrett, E.C.G. "Further Light on Sir Richard Winstedt's Undescribed Malay version of the Ramayana," *Bulletin of the School of Oriental and African Studies*, Vol. 26, Pt. 3, (London, 1963). hlm 532 - 537
20. Peristiwa ini juga terdapat dalam *Tevaram* iaitu lagu-lagu suci agama Hindu yang telah dicipta pada zaman Bakti (600m-900m). Kemungkinan besar Ottakkuttar mengambil peristiwa ini dari *Tevaram* kerana zaman *Tevaram* lebih awal daripada zaman Ottakkuttar. Sila lihat *Tirumurai* ke 5, 28:10 dan 34:10; *Tirumurai* ke 66, 19:11, 43: 10 dan 91:10; *Tirumurai* ke 7., 22: 7: 46 dan 62. SENGKALVARAYA PILLAI, V.S. *Tevara Olineri*. Madras: The South India Saiva Siddhanta Works Publishing Society. Compantar, bahagian III, 1954, ms. 385-388; Appar, bahagian II, 1962, ms. 359-362 dan juga UKO., 7: 74-75.
21. HSR.Ikr., ms. 101
22. Ibid., ms. 102.
23. Ibid., ms. 103 dan 139.
24. Ibid., ms. 143-148
25. ZIESS., ms. 108.
26. HSR.Rve., ms. 2-20, 46-53 dan 117: ZIESS., ms. 13-15, 26-27 dan 57; HSR.She., ms. 51-69, 89 dan 110-113 serta HSR.Ikr., ms. 140-142 dan 180-182.
27. HSR.She., ms. 78-81., dan juga HSR.Ikr., ms. 155-159
28. HSR.Rve., ms. 85-104; HSR.She., 87-94: ZIESS., ms. 41-50 dan HSR.Ikr., ms. 162-168 dan 171-174.
29. Bahagian ini tidak terdapat dalam HSR.She dan HSR.Ikr.
30. RV., III, 17-18: RV (HPS), II, ms. 38-41 dan juga RK., III, 5: 8.33, 55-36, 38-39 dan 44-48. Perlu diberi perhatian menurut A. Ziesenis, peristiwa seumpama ini terdapat pada versi Jaina bertajuk *Paumacariya* ciptaan Vimala Suri. Nama watak-watak dalam peristiwa tersebut berbeza dalam versi Jaina. Misalnya nama Sambuka kepada nama Daras-

inga dan Candranakha kepada Surpanakha. Selain daripada perbezaan nama, beberapa maklumat tambahan terdapat dalam cerita Rama Versi Jaina. Misalnya, Sambuka ditunjukkan sebagai anak kepada Khara dan Candranakha, Sambuka bertapa untuk memperolehi pedang yang bernama **Suriyahasa** dan masa yang diperlukan untuk pertapaan ini adalah dua-belas tahun dan tujuh hari. Sila lihat, **ZIESS.**, ms. 31 dan lihat juga **SINGARAVeLU, S.** "The Rama story in Malay tradition; **JMBRAS**, Vol. 54., pt.2, 1981, ms. 142.

31. **HSR.Rve.**, ms. 85-89; **HSR:she.**, ms. 80-82; **ZIESS.**, ms. 41-42 dan **HSR.Ikr.**, ms. 162-163.
32. **RV.**, III, 18; **RV(HPS).**, II, ms. 40-41 dan juga **RK.**, III, 5:30-32.
33. **HSR.Rve.**, 85-89; **HSR.She.**, ms. 80-82; **ZIESS.**, ms. 41-42 dan **HSR.Ikr.**, ms. 162-163.
34. **RV.** III, 31-48; **RV(HPS).**, II, ms. 58-102 dan **RK.** III, 7:45, 66-69, 82-87 dan 153-154 dan juga **RK.**, III, 8:20-75.
35. **HSR.Rve.**, ms. 89-93; **ZIESS.**, ms. 43 dan **HSR.Ikr.**, ms. 163-165.
36. **RV.** III, 35-41; **RV (HPS).**, II, ms. 73-86 dan juga **RK.** III, 7:170-209.
37. **ZIESS.**, ms. 135-136 dan **HSR.Ikr.**, ms. 166.
38. Motif menggaris bulatan magis oleh Laksmana untuk melindungi Sita daripada angkara Ravana juga terdapat dalam drama **Hanuman Nataka**. Sila lihat, **Theatre of the Hindus**, oleh H.H. Wilson dan rakan-rakan. Calcutta: Susil Gupta (India) Limited, 1955, ms. 124.
39. **MUHAMMAD TAIB BIN OSMAN.** *Ramayana dalam kebudayaan Melayu*. Malaysia, Hari Kebangsaan 31 Ogos 1971. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan untuk Kementerian Luar Negeri Malaysia, 1971, ms. 31.
40. **HSR.Rve.**, ms. 107-109; **ZIESS.**, ms. 52, Bahagian cerita ini tidak terdapat dalam **HSR.She** dan **HSR.Ikr.**
41. **HSR.Rve.**, 109-112; **HSR.She.**, ms. 88-95; **ZIESS.**, ms. 53-54 dan **HSR.Ikr.**, ms. 174-175.
42. Menurut **HSR.Rve.**, adalah menjadi kepercayaan bahawa mulai peristiwa Rama membuat garisan pada daun pisang, daun pisang mempunyai alur di tengah-tengahnya sehingga sekarang. Sila lihat, **HSR.Rve.**, ms. 120-130; **ZIESS.**, ms. 61.
43. Melompat dari bahu Rama dalam **HSR.Ikr.**, ms. 186.
44. **HSR.Rve.**, ms. 130-136; **ZIESS.**, ms. 662.
45. **HSR.Rve.**, ms. 130-136; **HSR.She.**, ms. 110-177; **ZIESS.**, ms. 62.
46. **HSR.Rve.**, ms. 130-136; **HSR.She.**, ms. 110-117; **ZIESS.**, ms. 63 dan **HSR.Ikr.**, ms. 190.
47. **HSR.Rve.**, ms. 136-144; **HSR.She.**, ms. 117-155; **ZIESS.**, ms. 69-70 dan juga **HSR.Ikr.**, ms. 218.
48. **HSR.Rve.**, ms. 146-159; **HSR.She.**, ms. 165-218; **ZIESS.**, ms. 75-79 dan **HSR.Ikr.**, ms. 236-245.
49. Episod Patala Maharayan merupakan sebahagian daripada salah sebuah cerita rakyat Tamil yang bertajuk **Mayiliravanan katai**. Perlu diberi perhatian bahawa episod seumpama episod Patala Maharayan dalam **HSR**, juga terdapat dalam versi-versi cerita Rama yang terkemudian (dicipta selepas tarikh **HSR**). Ini termasuklah **Mahiravana Caritra** dalam versi Assam, **Mahiravanarpala** dalam versi Benggali, **Daksini Ramayanan** (versi oriya) dan **Anandaramayana** (versi Sanskrit). Sila lihat nota kaki **SINGARAVeLU, S.** "The episod of Maiyarab in the Thai Ramakien and its possible relationship to the Tamil folklore", in **Indologica Taurienencia**, Vol. XIII (Torino, Italy, 1985-86), ms. 298 dan juga **RAJANTHERAN, M.** *Hikayat Seri Rama: Suatu kajian perbandingan versi Melayu, Sanskrit dan Tamil*. (Disertai untuk M.A., Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya, 1990) ms. 187-191. Belum diterbitkan.
50. **HSR.She.**, ms. 165-218; **ZIESS.** ms. 83-84 dan **HSR-Ikr.**, ms. 264.

51. HSR.Rve., ms. 159-165; HSR.She., ms. 218-243: ZIESS., ms. 91 dan HSR.Ikr., ms. 284.
52. Menurut salah sebuah cerita rakyat di India Selatan, Hanuman mengikat Rambut Ravana dan isterinya pada kaki katil dan melarikan barang-barang kemas isteri Ravana. Sila lihat, FINICO, J.S. *Livro de Seita*, dicetak oleh J. Charpentier (Upsala, 1933), ms. 96 dan BULKE, C. *Ramakatha* (Allahabad, 1971), ms. 498: SAHAI, S. *The Ramayana in Loas*. Delhi: B.R. Publishing Corporation, 1976, ms. 23.
53. HSR.Rve., ms. 159-165; HSR.She., ms. 218-243: ZIESS., ms. 92 dan HSR.Ikr., ms. 289-290.
54. HSR.Rve., ms. 159-165; HSR.She., ms. 218-243: ZIESS., ms. 93 dan HSR.Ikr., ms. 290.
55. RV., VI, 110: RV(HPS), 111, ms. 314-315 dan RK., VI, 36: 196-200.
56. HSR.Rve., ms. 169-173; HSR.She., ms. 257-285: ZIESS., ms. 97 dan HSR.Ikr., ms. 302-303.
57. **Ibid**
58. Motif penciptaan seorang anak daripada sejenis rumput, nampaknya terdapat dalam *Kathasaritsagara* ciptaan Somadeva. Karya ini menyatakan bahawa Kusa dicipta daripada rumput Kusa oleh maharesi Valmiki. Cerita Rama versi Tibet (abad ke 9) juga menyatakan Kusa dicipta daripada rumput suci kusa oleh para pertapa. Sila lihat, *The Ocean of Story, being C.H. Tawney's translation of Somadeva's Kathasaritsagara*, edited by N.M. Penzer. Dicitak semula, Delhi, 1968, Vol. IV ms 128 dan RAGHAVAN, V. *The Ramayana in Greater India*. Surat: South Gujarat University, 1975, ms. 15 dan 17.
59. HSR.Rve., ms. 169-173; HSR.She., ms. 257-285: ZIESS., ms. 99-102 dan HSR.Ikr., ms. 309-322.
60. HSR.Rve., ms. 169-173; HSR.She., ms. 257-285: ZIESS., ms. 102 dan HSR.Ikr., ms. 322.
61. RV. VII, 109-110: RV(HPS), III, ms. 633-636 dan juga UKO., 17: 141-155.
62. WINSTEDT, R.O. *The Malays: A Cultural History*. London: Routledge and Kegan Paul, 1961, ms. 181.

## Senarai Singkatan Kata

BSOS	Bulletin of the school of Oriental Studies, London Institution
HSR	Hikayat Sri (Seri) Rama Secara am
HSR Ikr	Hikayat Sri Rama. Suntingan Achadiati Ikram
HSR. Rve	Hikayat Sri Rama, edisi Roorda Van Eysinga
HSR.She	Hikayat Sri Rama, edisi W.G. Shellabear.
JMBRAS	Journal of the Malaysian (Malayan) Branch of the Royal Asiatic Society
JOIB	Journal of the Oriental Institution, Baroda
JRAS	Journal of the Royal Asiatic Society
MSRI	Malaysian Sociological Research Institute.
RK	Ramayanan ciptaan Kamban dalam bahasa Tamil. Teks disertai dengan ulasan, keluaran :Universiti Annamalai, 6 Kandam
RV	Ramayanan ciptaan Valmiki
RV(HPS)	Ramayanan ciptaan Valmiki, Diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris oleh Hari Prasad Shastri, 3 jilid.
UKO	Uttara Kandam dalam bahasa Tamil (ciptaan Ottakkuttar)
ZIESS	ZIESENIS, A. The Rama Saga in Malaysia, its origin and Development. Diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris oleh P.W. Burch, disertai dengan suatu pendahuluan oleh C. Hooykass. Singapore: MSRI, 1963

## Transliterasi

### Sanskrit

Penggunaan transkripsi nama-nama adan istilah-istilah Sanskrit melalui bahasa Melayu adalah berdasarkan kepada sistem transliterasi yang digunakan oleh Arthur A. Macdonell dalam bukunya bertajuk, *A Sanskrit Grammer for Students*. Berikut adalah dasar kepada transliterasi huruf-huruf bahasa Sanskrit.

#### Vokal

a	अ	r	ऋ
ā	आ	r̄	ॠ
i	इ	!	ऌ
ī	ई	e	ए
u	उ	ai	ऐ
ū	ऊ	o	औ
		au	औ

#### Konsonan

k	क	p	प
kh	ख	ph	फ
g	ग	b	ब
gh	घ	bh	भ

ñ	ई	m	प
c	च	y	य
ch	छ	r	र
j	ज	l	ल
jh	झ	v	व
ñ	ञ	ś	श
ṭ	ट	ṣ	ष
tḥ	ठ	s	स
ḍ	ड		
dḥ	ढ	h	ह
ṇ	ण	ḥ (Visarga)	
t	त	ṃ (anusvāra)	
th	थ		
d	द		
dh	ध		
n	न		

## Tamil

Penggunaan transkripsi nama-nama dan istilah-istilah Tamil melalui transliterasi bahasa Melayu adalah berdasarkan kepada sistem transliterasi yang digunakan dalam **Tamil Lexicon**. Berikut adalah dasar kepada transliterasi huruf-huruf bahasa Tamil.

### Vokal

a	அ	e	எ
<u>a</u>	ஆ	<u>e</u>	ஏ
i	இ	ai	ஐ
<u>i</u>	ஈ	o	ஓ
u	உ	<u>o</u>	ஔ
<u>u</u>	ஊ	au	ஔ

### Konsonan

k	க	m	ம்
<u>n</u>	ங்	y	ய்
c	ச்	r	ர்
<u>ñ</u>	ஞ்	l	ல்
<u>t</u>	ட்	v	வ்
<u>n</u>	ண்	<u>l</u>	ழ்
t	த்	<u>l</u>	ள்
n	ந் (Aytam)	<u>r</u>	ற்
p	ப்	<u>n</u>	ன்



Walau bagaimanapun untuk beberapa istilah dalam penggunaan yang biasa ejaan-ejaannya yang umum digunakan. Perubahan bentuk nama watak-watak mengikut versi-versi yang berbeza diberikan dalam bahagian indeks nama.